



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MODUL *CREDENTIALING & PRIVILEGING*

PROSEDUR CALITAN TOREHAN KULIT (*SLIT SKIN SMEAR*) UNTUK PENGESANAN KUSTA BAGI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DAN JURURAWAT



B.P.K.K.
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tahun 2025

Kandungan

No.	Tajuk	Mukasurat
1	Pengenalan	1
2	Rational/Justifikasi	1
3	Objektif	2
4	Kriteria Kelayakan Penyelia	3
5	Kriteria Pemilihan Anggota	4
6	Keperluan Pembelajaran dan Kemahiran Modul Prosedur	5
7	Tentatif Kursus Modul Prosedur	6
8	Tempoh <i>Privileging</i>	7
9	Penilaian Kompetensi	7
10	Carta Alir Proses Bagi Prosedur	8
11	Proses Kerja Bagi Prosedur	9
12	Lampiran Berkaitan	10
13	Rujukan	18
14	Jawatankuasa Kerja	19
15	Senarai Penyumbang	20
16	Penghargaan	22

1.0 PENGENALAN

Penyakit kusta merupakan salah satu penyakit kulit yang kronik, yang disebabkan oleh kuman "*Mycobacterium leprae*". Kuman ini hanya boleh dilihat melalui mikroskop, dan tidak boleh dibiak dalam media. Oleh itu, salah satu cara diagnosis penyakit ini dibuat adalah melalui pemeriksaan makmal yang dipanggil calitan torehan kulit (*slit skin smear*).

Prosedur ini juga diperlukan untuk (1) klasifikasi jenis kusta, (2) menentukan tahap jangkitan, (3) menentukan keberkesanan ubat, dan (4) mengesan berlakunya *strain M.leprae* yang rentan. Selain itu, ia juga digunakan untuk mengesan kes berulang dalam tempoh pengawasan.

Calitan torehan kulit (*slit skin Smear*) yang mengikut kaedah piawai yang ditetapkan dapat menghasilkan laporan keputusan ujian yang tepat. Oleh itu, *Credentialing & Privileging* (C&P) bagi prosedur calitan torehan kulit ini diadakan untuk melatih para anggota kesihatan yang bertugas di Klinik-Klinik Kesihatan serta Unit Kawalan TB/Kusta (Pusat Rawatan 1&2) di seluruh Malaysia bagi memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengambilan calitan torehan kulit dan penyediaan slaid untuk mikroskopi mengikut piawaian yang ditetapkan.

2.0 RASIONAL ATAU JUSTIFIKASI

Prosedur calitan torehan kulit terdapat dalam kurikulum latihan asas bagi Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan Jururawat. Namun, ia terhad kepada teori dan bukan kepada pelaksanaan prosedur. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan C&P yang membolehkan mereka mendapat latihan dan pengiktirafan bagi pelaksanaan prosedur calitan torehan kulit untuk melancarkan lagi perkhidmatan di kesihatan primer.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Objektif umum

Memberi latihan kepada PPP dan Jururawat dalam melaksanakan prosedur calitan torehan kulit dan membolehkan mereka mendapat C&P di fasiliti kesihatan primer.

3.2 Objektif Khusus

- i. Memastikan PPP dan Jururawat kompeten dalam membuat prosedur calitan torehan kulit di fasiliti kesihatan primer.
- ii. Memberi pengiktirafan kepada PPP dan Jururawat untuk melaksanakan tugas tersebut di fasiliti kesihatan primer.
- iii. Meningkatkan keyakinan anggota kesihatan dalam melaksanakan prosedur calitan torehan kulit.

4.0 KRITERIA KELAYAKAN PENYELIA

Pegawai yang telah dilantik oleh Jawatankuasa C&P Peringkat Negeri/Daerah sebagai penyelia adalah:

- i. Pakar Perubatan Dermatologi / Pakar Perubatan Keluarga.
- ii. Pegawai Perubatan yang telah di *credential*.
- iii. PPP/Jururawat yang sudah lulus C&P.

NOTA:

* Pelaksanaan C&P adalah tertakluk kepada pelaksanaan proses C&P di JKN masing-masing, sama ada pelaksanaan sepenuhnya di Klinik kesihatan atau dengan menjalani latihan sangkut di hospital.

* Bagi PPP yang dilantik sebagai Penyelia Pertama, Buku Log perlu disahkan oleh Penyelia Kedua (Pakar Perubatan Dermatologi/ Pakar Perubatan Keluarga/Pegawai Perubatan)

4.1 Tanggungjawab Penyelia

- i. Mengenalpasti anggota yang perlu menjalani C&P di fasiliti kesihatan primer.
- ii. Bertanggungjawab memberi tunjuk ajar dan bimbingan.
- iii. Melakukan penilaian dan pengesahan buku log dalam tempoh maksimum enam (6) bulan.
- iv. Sekiranya latihan sangkut dilakukan di hospital, Pakar Perubatan Dermatologi bertanggungjawab menyelia dan memastikan setiap kes yang dikendalikan di hospital dicatat ke dalam buku log untuk pengesahan.

5.0 KRITERIA PEMILIHAN ANGGOTA

Kriteria pemilihan anggota adalah PPP dan Jururawat yang berkhidmat di fasiliti kesihatan primer.

5.1 Pengecualian Menjalani Semula Proses *Credentialing*

PPP dan Jururawat yang telah mendapat sijil C&P dan berpindah ke Bahagian/JKN lain tidak perlu menjalani semula proses *Credentialing*. Pegawai tersebut hanya perlu membuat permohonan untuk *re-privileging* dan mendapatkan kelulusan penilaian oleh Pegawai Penyelia sebelum sijil *Privileging* dikeluarkan.

5.2 Tanggungjawab Anggota

- i. Anggota perlu mengisi borang permohonan Borang PKP/C1-Pind.2020.
- ii. Anggota dikehendaki menggunakan Buku Log C&P yang telah diedarkan oleh pejabat kesihatan masing-masing sepanjang latihan.
- iii. Anggota wajib melengkapkan buku log dan mendapatkan pengesahan dari penyelia sebelum dihantar kepada Penyelaras Jawatankuasa C&P Daerah/Negeri untuk kelulusan.

6.0 KEPERLUAN PEMBELAJARAN DAN KEMAHIRAN MODUL PROSEDUR

Anggota yang memohon untuk mendapatkan Sijil C&P adalah wajib menghadiri sesi latihan secara teori dan praktikal seperti berikut:

6.1 Teori

Anggota perlu menghadiri kursus asas calitan torehan kulit sekurang-kurangnya satu (1) hari.

6.2 Praktikal

- i. Memerhatikan prosedur calitan torehan kulit sekurang-kurangnya lima (5) kes.
- ii. Melaksanakan prosedur calitan torehan kulit di bawah penyeliaan sekurang-kurangnya tiga (3) kes.
- iii. Mengendalikan prosedur calitan torehan kulit sekurang-kurangnya tiga (3) kes (tanpa penyeliaan).

7.0 TENTATIF KURSUS PROSEDUR CALITAN TOREHAN KULIT

Jadual 1: Kursus selama satu hari

TOPIK	JANGKA MASA	PENCERAMAH FASILITATOR
Pengenalan Manual Pengurusan Kusta Edisi ke 3	30 minit	Pakar/Peg. Perubatan Unit TB dan Kusta
<i>Epidemiology of leprosy in Malaysia and Sarawak Leprosy control programme in Malaysia: Notification, contact tracing, Standard Operating Procedure, Returns</i>	1 jam	Pakar/Peg. Perubatan Unit TB dan Kusta
<i>Short overview of history of Leprosy in Malaysia</i>	30 minit	Pakar/Peg. Perubatan Unit TB dan Kusta / Pakar Dermatologi
<i>Pathogenesis & Mode of Transmission of leprosy</i>	30 minit	Pakar Perubatan Keluarga/Pakar dermatologi
<i>Clinical features of leprosy and Differential diagnosis</i>	30 minit	Pakar Perubatan Keluarga/Pakar dermatologi
<i>Investigations in leprosy - Slit skin smear & reading of slides How to transport tissue for PCR, histopathology</i>	1 jam	Juru Teknologi Makmal Perubatan
Kawalan kualiti calitan torehan kulit	30 minit	Juru Teknologi Makmal Perubatan
Pengurusan penyakit kusta	45 minit	Pakar Perubatan Keluarga/Pakar dermatologi
<i>Complications & Reactions in leprosy and how to manage them</i>	30 minit	Pakar Perubatan Keluarga/Pakar dermatologi
<i>Indications for referral to a dermatologist. Case discussion</i>	45 minit	Pakar Perubatan Keluarga/Pakar dermatologi
<i>Slit skin smear & staining– demonstration</i>	45 minit	Pakar/Peg. Perubatan Unit TB dan Kusta / Pakar Dermatologi

8.0 TEMPOH PRIVILEGING

Anggota perlu melengkapkan buku log dalam tempoh masa maksima enam (6) bulan. Tempoh *privileging* untuk prosedur akan diberi untuk jangka masa tiga (3) tahun. Ia perlu diperbaharui dalam masa enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pengiktirafan.

NOTA:



* Anggota yang telah diberikan sijil C&P digalakkan mengikuti CME/ kursus berkaitan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh tiga (3) tahun sama ada diperingkat klinik/hospital/negeri.



9.0 PENILAIAN KOMPETENSI


Bagi mendapatkan sijil C&P, anggota perlu melengkapkan buku log dalam tempoh enam (6) bulan dengan melakukan perkara seperti berikut:

- i. Anggota perlu menghadiri 'Kursus Asas Prosedur Calitan Torehan Kulit' sekurang - kurangnya satu (1) hari.
- ii. Memerhati prosedur Calitan Torehan Kulit sekurang-kurangnya lima (5) kes.
- iii. Melaksanakan prosedur calitan torehan kulit di bawah penyeliaan sekurang-kurangnya tiga (3) kes.
- iv. Mengendalikan prosedur calitan torehan kulit sekurang-kurangnya tiga (3) kes (tanpa penyeliaan). Kualiti sampel yang diambil tanpa pemantauan adalah wajib mencapai Standard Piawai iaitu QA 100% bagi kesemua tiga (3) kes untuk anggota yang baru memohon C&P.

9.1 Re-Privileging

Penilaian semula untuk re-privileging dilakukan dengan menyertakan dokumen sokongan bagi privileging tanpa buku log yang disahkan oleh Penyelia (Lampiran 2). Anggota perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya lima (5) kes yang dilakukan tanpa pengawasan. Kualiti sampel yang diambil bagi kesemua kes tersebut hendaklah mencapai Standard Piawai iaitu QA 100% di peringkat JKN/MKAK.

10.0 CARTA ALIR PROSES C&P



11.0 PROSES KERJA MENDAPATKAN C&P

Bil.	PROSES KERJA	STANDARD/PIAWAI	RUJUKAN	ULASAN
1	Kenalpasti PPP / Jururawat	Mengesahkan status kelayakan anggota yang hendak di C&P. Berdaftar dengan Lembaga PPP / Jururawat. Sijil Perakuan Tahunan (ARC) / Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) yang sah.	Garis panduan C&P Edisi terkini	Jawatankuasa C&P Daerah
2	Jalankan aktiviti latihan	Modul latihan: Teori Praktikal	Modul C&P Torehan Calitan Kulit	Penyelia/ Fasilitator
3	Menilai keberkesanan latihan	Memerhatikan cara prosedur sekurang-kurangnya lima (5) kes. Membantu mengendalikan prosedur sekurang-kurangnya tiga (3) kes dengan penyeliaan. Mengendalikan prosedur sekurang-kurangnya tiga (3) kes tanpa penyeliaan.	Buku Log	Penyelia/ Fasilitator
4	Penyeliaan Buku Log	Semakan buku log lengkap diisi.	Buku Log	Penyelia/ Fasilitator
5	Kelulusan C&P bagi melakukan prosedur	Semakan buku log dan meluluskan C&P bagi melaksanakan prosedur calitan torehan kulit.	Surat kelulusan untuk C&P	Jawatankuasa C&P Daerah
6	Pengesahan Kelulusan C&P bagi melakukan prosedur	Pengiktirafan C&P bagi melaksanakan prosedur calitan torehan kulit.	Surat pengesahan kelulusan untuk C&P	Jawatankuasa C&P Negeri

12.0 LAMPIRAN BERKAITAN

Lampiran 1

CONTOH BUKU LOG

BUKU LOG	
NAMA
JAWATAN & GRED
TEMPAT BERTUGAS
NAMA PROSEDUR UNTUK C&P: CALITAN TOREHAN KULIT (<i>SLIT SKIN SMEAR</i>) UNTUK PENGESANAN KUSTA	
NAMA PENYELIA (1)	:
NAMA PENYELIA (2)	:

1. BILANGAN KES YANG DILIHAT (PEMERHATIAN)

Bil.	R/N Pesakit	Nama	Pemerhatian		
			Tarikh	T/tangan & Cop Penyelia	Ulasan
1					
2					
3					
4					
5					

2. BILANGAN PROSEDUR YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH SELIAAN

Bil.	R/N Pesakit	Nama	Perlaksanaan (Dengan Seliaan)		
			Tarikh	T/tangan & Cop Penyelia	Ulasan Kualiti Sampel
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					

3. BILANGAN PROSEDUR YANG DILAKSANAKAN TANPA SELIAAN

Bil.	R/N Pesakit	Nama	Perlaksanaan (Tanpa Seliaan)		
			Tarikh	T/tangan & Cop Penyelia	Ulasan
1					
2					
3					
4					
5					

LAPORAN PENYELIA (1)

Nama Prosedur : Calitan Torehan Kulit (*Slit Skin Smear*) untuk Pengesanan Kusta
Nama Peserta :
No.KP Peserta :

ULASAN PENYELIA:

.....
.....
.....
.....

Tandatangan & cop penyelia (1)

Tarikh:

LAPORAN PENYELIA (2)

Nama Prosedur : Calitan Torehan Kulit (*Slit Skin Smear*) untuk Pengesanan Kusta
Nama Peserta :
No.KP Peserta :

ULASAN PENYELIA:

.....
.....
.....
.....

Tandatangan dan cop penyelia (2)

Tarikh

SOKONGAN SEKRETARIAT JAWATANKUASA C&P PERINGKAT DAERAH

Dengan ini diperakukan bahawa permohonan
(Nama pemohon), No. K/P: bagi *Credentialing & Privileging* Prosedur Calitan Torehan Kulit (*Slit Skin Smear*) untuk Pengesanan Kusta telah disemak dan mematuhi kriteria yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu permohonan calon adalah diluluskan.

Disokong

Tidak disokong

Jika tidak disokong, sila berikan sebab.

.....
.....

.....
Tandatangan Pengerusi

.....
Nama & Jawatan Penyelaras
(Cop Rasmi)

.....
Tarikh

Nota:

Sekretariat bagi J/K C&P peringkat daerah adalah anggota yang dilantik bagi menyelaraskan aktiviti C&P bagi sesuatu prosedur. Pejabat Kesihatan Daerah boleh melantik mana-mana pegawai yang berkelayakan untuk bertindak sebagai sekretariat.

PENGESAHAN KELULUSAN JAWATANKUASA C&P PERINGKAT NEGERI

Dengan ini diperakukan..... (Nama pemohon),
No. K/P :.....telah dinilai dan layak diberi
Credentialing & Privileging bagi prosedur:

CALITAN TOREHAN KULIT (*SLIT SKIN SMEAR*) BAGI PENGESANAN KUSTA

berkuatkuasa:...../...../.....

dan sah bagi tempoh

...../...../.....hingga/...../.....

.....

Tandatangan

.....

Nama & Jawatan

(Cop Rasmi)

.....

Tarikh

SENARAI KES BAGI PROSEDUR UNTUK TUJUAN *RE-PRIVILEGING* (TANPA BUKU LOG)

Bil.	R/N	Nama Pesakit	Lokasi torehan (<i>site</i>)	Ulasan (Kuali sampel yang diambil)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

Disediakan oleh:

Nama:

Tempat Bertugas:

Tarikh:

Disahkan oleh:

Nama:

Jawatan & Tempat bertugas:

Tarikh:

SENARAI PERALATAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PROSEDUR CALITAN TOREHAN KULIT

1. *Face Mask/Respirator N95*
2. Pemegang *scalpel* No. 3
3. *Scalpel blade* No. 15
4. *Straight* Forsep
5. Slaid kaca (*non-frosted end glass slide*)
6. *Diamond Pen*
7. Sarung tangan getah
8. Ubat luka (contoh: *tincture iodine/povidone*)
9. Alkohol 70%
10. Swab kapas atau gauze yang steril
11. Plaster – contoh: *Handy Plus*
12. Bekas sisa tajam
13. Bekas sisa klinikal
14. Pemetik api/Penunu *Bunsen*
15. Borang permohonanan ujian calitan torehan kulit – LIS102A
16. Kotak slaid

Jadual 1: Senarai Semak Prosedur Calitan Torehan Kulit

Bil	Prosedur	Ulasan (Sila tandakan ✓)
1	Menyediakan peralatan (sila rujuk lampiran bagi senarai peralatan yang diperlukan).	
2	Perkenalkan diri dan penerangan mengenai prosedur.	
3	Pastikan pelanggan dalam posisi duduk untuk keselesaan dan pencahayaan mencukupi supaya bahagian kulit yang dipilih dapat dilihat jelas.	
4	Sapu kawasan dipilih untuk torehan dengan swab alkohol dan apabila sudah kering, picit kulit tersebut dengan ibu jari dan jari telunjuk untuk menahan darah supaya tidak keluar semasa torehan.	
5	Buat torehan sedalam 2 mm dan sepanjang 5 mm di tempat dipicit dengan <i>scalpel blade</i> no.15.	
6	Teknik picitan yang betul akan menghasilkan calitan yang berkualiti kerana tiada darah. Jika berdarah, sapu dengan kapas hingga kering dan ulangi torehan di tempat yang sama.	
7	Lintangkan <i>scalpel blade</i> dan kikis di dalam torehan sebanyak 2 - 3 kali dalam satu hala. Kikisan tisu yang terkumpul di hujung torehan diambil keluar (<i>scoop</i>) dengan hujung <i>scalpel blade</i> .	
8	Kikisan tisu pada <i>scalpel blade</i> itu kemudian dicalitkan di atas slaid yang bersih. Buat calitan berdiameter 5 - 7 mm bermula dikeliling dan berakhir di tengah bulatan.	
9	Tutup permukaan luka pesakit dengan kapas yang dititis dengan ubat luka dan lekatkan plaster.	
10	Bersihkan <i>scalpel blade</i> dengan kapas bersih yang telah dibasahkan dengan alkohol untuk menghilangkan lebihan tisu dan sterilkan <i>scalpel blade</i> di atas api. Apabila <i>scalpel blade</i> telah sejuk, teruskan dengan torehan yang berikutnya.	
11	Biarkan calitan kering, kemudian lekapkan (<i>fix</i>) dengan cara melalukan beberapa kali bahagian bawah slaid di atas api lampu spirit selama beberapa saat.	

13.0 RUJUKAN

1. Manual Pengurusan Kusta Kebangsaan Edisi 3, 2023
2. Garis panduan Credentialing & Privileging bagi Penjagaan Kesihatan Primer, Pindaan 2020

14.0 JAWATANKUASA KERJA

Penasihat

1. Dr. Mohd Safiee bin Ismail
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM
2. Dr. Asnida binti Anjang Ab. Rahman
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Sektor Sokongan Klinikal dan Teknikal
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Penyunting

3. Dr. Huzaifah binti Hussin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Sektor Sokongan Klinikal dan Teknikal
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM
4. Zahrul Zamzuri bin Mohtar
Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Sektor Sokongan Klinikal dan Teknikal
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM
5. Kamal Nazira binti Ali
Ketua Penyelia Jururawat
Sektor Sokongan Klinikal dan Teknikal
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Senarai Penyumbang

JKN SABAH

1. Dr Herwati binti Dualis
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Primer, JKN Sabah
2. Dr Michelle Goroh
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Tibi/Kusta, JKN Sabah
3. Dr Voo Sook Yee @ Michelle
Pakar Perubatan Dermatologi
Hospital Queen Elizabeth
4. Dr Foo Ji Sie
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah
5. Dr Liaw Yau Chun
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Tibi/Kusta, JKN Sabah
6. Dr Fatimah Sabrina binti Moahmmad
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Primer, JKN Sabah
7. En Hamzah bin Majid
Timbalan Penolong Pegawai Perubatan
Sektor Primer, JKN Sabah
8. En Rosman bin Haris
Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Sektor Primer, JKN Sabah
9. Pn Norhayani binti Jalil
Penyelia Jururawat Kesihatan
Sektor Primer, JKN Sabah

Senarai Penyumbang

JKN SARAWAK

1. Dr Azizah binti Azhar
Ketua Penolong Pengarah Kanan
CPKK, JKN Sarawak
2. Dr Emmanuel Joseph Fong Tsung
Ketua Penolong Pengarah Kanan
TBCP, JKN Sarawak
3. Dr Maurice Steve Utap
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Bandaraya Miri, Sarawak
4. Dr Lai Hui Yee
Ketua Penolong Pengarah Kanan
CPKK, JKN Sarawak
5. Dr. Asmah Binti Kolot
Ketua Penolong Pengarah
CPKK, JKN Sarawak
6. Dr Tang Min Moon
Pakar Perunding Dermatologi dan Ketua Jabatan Dermatologi
Hospital Umum Sarawak
7. Dr Muhamad Aidid Qamil bin Amir
Pegawai Perubatan
JKN Sarawak
8. En Alexander Simon
Penolong Pegawai Perubatan
Seksyen Kawalan Tibi Kusta,
JKN Sarawak

15.0 PENGHARGAAN

Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri Labuan

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Sarawak

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Sabah

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Labuan



Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tahun 2025